

01 FEB 2003

Tajol-Calon

PERAK SEDIA TERIMA CALON LUAR TETAPI DENGAN SYARAT

IPOH, 1 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini berkata Umno Perak tidak mempunyai halangan meletakkan orang luar sebagai calon pilihan raya tetapi dengan syarat orang itu lebih berkaliiber, hebat serta berpotensi besar berbanding dengan anak tempatan.

Beliau berkata bagaimanapun keutamaan akan diberikan kepada calon tempatan yang telah menunjukkan komitmen dalam memperjuangkan kepentingan parti selama ini.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Datuk Ong Ka Chuan di sini, beliau berkata pemilihan calon luar bukan perkara baru di Perak.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz yang menjadi anggota parlimen Kuala Kangsar dan Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan di Bukit Gantang adalah antara calon bukan anak tempatan, katanya.

"Mereka diterima kerana mereka memegang jawatan dalam kerajaan dan berkaliiber. Kelonggaran seperti ini sudah ada di beberapa tempat lain," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kini sukar meletakkan calon bukan tempatan kerana sikap kenegerian atau kedaerahan yang menebal.

Dr Mahathir berkata pemilihan calon bukan anak tempatan dikatakan tidak begitu menepati selera pengundi di kawasan itu.

Menurut Tajol Rosli, orang Perak sedia menerima calon dari luar tetapi mereka perlulah membuktikan kebolehan, berwibawa dan mempunyai kepimpinan yang lebih baik daripada orang tempatan.

"Jika sekadar kita hendak letakkan calon tertentu tetapi tiada keistimewaan, baik kita letak calon tempatan yang telah bekerja keras menguatkan parti selama ini," katanya.

Beliau juga berkata Umno Perak akan mengemukakan lebih banyak calon wanita dan calon yang mempunyai latar belakang agama kepada pucuk pimpinan parti untuk dipilih sebagai calon pilihan raya umum akan datang.

"Dulupun kita mempunyai wakil rakyat yang mempunyai latar belakang agama tetapi kita jarang tonjolkan aspek ini. Kita juga sedar peranan wanita yang semakin penting dalam meraih sokongan semasa pilihan raya," katanya.

Bagaimanapun, Tajol Rosli berkata, pemilihan calon wanita oleh Umno bukanlah sesuatu yang baru berbanding PAS yang selama ini menentang tetapi kini mahu meletakkan calon wanita pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

AR MOZ